

**Muhyiddin Bertemu Parti Komponen BN Kelantan
Bernama
1 Apr, 2014**

KOTA BAHARU, 1 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mempengerusikan Mesyuarat Khas Barisan Nasional (BN) dan Badan Perhubungan Umno Kelantan yang diadakan di Pejabat Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini.

Yang hadir dalam mesyuarat tertutup bermula pukul 10 pagi itu ialah Pengerusi dan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed, Timbalannya Datuk Noor Zahidi Omar, Bendahari Umno Kelantan Datuk Dr Awang Adek Hussin, Pengerusi MCA Kelantan Datuk Hou Kok Chung, Pengerusi MIC Kelantan M. Kuppusamy, Pengerusi Gerakan Kelantan Datuk Ng Chiang Chin dan Pengerusi Parti Progresif Penduduk Kelantan Datuk Nik Sapeia Nik Yusoff.

Pertemuan tertutup itu berlangsung kira-kira sejam sebelum Muhyiddin ke Tiong di sini bagi merasmikan perletakan batu asas Lebuh Raya Kota Baharu-Kuala Krai.

Muhyiddin yang dalam rangka lawatan sehari ke Kelantan, dijadual merasmikan majlis pelancaran Skuad Ta'lim-An Nur Bersama Wanita Kelantan yang diadakan di Dewan Terbuka Markas 8 Briged, Pengkalan Chepa di sini pada sebelah petang sebelum berlepas pulang ke ibu Negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026639>